Bahagian A [20 *markah*]

Jawab **semua** *soalan.*

1 Yang manakah bahasa yang tergolong dalam subkeluarga bahasa Nusantara?

A Bima

B Tonga

C Annam

D Nicobar

2 Bukti terawal penggunaan bahasa Melayu dalam bentuk tulisan terdapat pada batu bersurat

A di Kota Kapur

B di Talang Tuwo

C di Karang Brahi

D di Kedukan Bukit

3 Yang manakah penyataan yang benar tentang bahasa Melayu klasik?

I Ditulis dengan huruf Kawi

II Banyak menggunakan ayat aktif

III Sering menggunakan bahasa dalam

IV Banyak menggunakan ayat songsang

A I dan II

B I dan IV

C II dan III

D III dan IV

4

I	II
ثُمْبُقْ	تمبق
كُمْبُغْ	كمبغ

Yang manakah kesan yang timbul daripada perubahan sistem tulisan Jawi daripada I kepada II?

A Memudahkan sebutan

B Memperkemas sistem tulisan

C Menimbulkan masalah homograf

D Mengelakkan masalah ketaksaan makna

5

	Tokoh bahasa
I	William Marsden
II	Mejar Datu' Haji Mohd Said Sulaiman
III	Raja Ali Haji
IV	Zainal Abidin bin Ahmad

	Karya
P	Rahsia Ejaan Jawi
Q	A Grammar of Malayan Language
R	Jalan Basa Melayu
S	Kitab Pengetahuan Bahasa

Yang manakah padanan yang betul antara tokoh bahasa dengan karyanya?

	I	II	III	IV
A	*P*	*R*	*Q*	*S*
B	*Q*	*R*	*P*	*S*
C	*Q*	*S*	*R*	*P*
D	*S*	*Q*	*P*	*R*

6 Yang manakah konteks bahasa Melayu digunakan sebagai bahasa rasmi?

A Dalam sesi wawancara sukan di televisyen

B Dalam sistem penyampaian maklumat kerajaan

C Dalam perhubungan penutur daripada pelbagai latar belakang

D Dalam menyampaikan ilmu di institusi pengajian tinggi awam

7 Peringkat pelaksanaan dalam proses perancangan bahasa melibatkan usaha yang berikut **kecuali**

A penciptaan istilah

B penyediaan perkamusan

C penyediaan panduan ejaan

D pemilihan bahasa kebangsaan

12 Yang manakah kumpulan kata yang semua suku kata praakhirnya mengandungi bunyi vokal hadapan separuh sempit?

A Merah, tebar, rebeh

B Bentan, merak, cebok

C Dewan, denda, tembak

D Dengkur, belok, kelewang

13

- Dimulai dengan vokal depan luas dan berlaku geluncuran ke arah penghasilan bunyi vokal belakang sempit
- Keadaan bibir berubah daripada hampar menjadi bundar

Yang manakah pasangan perkataan yang mengandungi bunyi yang dihasilkan dengan cara di atas?

A Jauh, jual

B Kuat, aurat

C Dua, merbau

D Aura, saudari

14

- Bahagian depan lidah diangkat setinggi-tingginya dan udara daripada paru-paru dikeluarkan tanpa sekatan.
- Pita suara digetarkan dan bibir berada dalam keadaan hampar.

Bunyi yang dihasilkan dengan cara di atas ialah

A vokal depan luas

B vokal depan sempit

C vokal depan separuh luas

D vokal depan separuh sempit

15 Yang manakah kumpulan perkataan yang kesemuanya mengandungi konsonan sengauan lelangit lembut?

A Nasi, tanya, sering

B Mari, nyala, hangat

C Ngilu, bunga, wayang

D Punya, nganga, nyaring

16 Persamaan bagi bunyi konsonan [k], [g], dan [ŋ] ialah ketiga-tiganya dihasilkan

A dengan cara udara dilepaskan

B dengan menggetarkan pita suara

C dalam keadaan rongga hidung tertutup

D dengan sekatan dibuat pada titik artikulasi yang sama

17 Yang manakah kumpulan perkataan yang mengandungi bunyi diftong?

A Urai, halau, siat

B Kait, gulai, variasi

C Tapai, pulau, kaloi

D Amboi, haiwan, suaka

18

- Belakang lidah dirapatkan pada lelangit lembut.
- Lelangit lembut dinaikkan bagi menutup rongga hidung.
- Udara yang tersekat pada pertemuan antara lidah dengan lelangit lembut dilepaskan dengan serta-merta.
- Pita suara bergetar.

Bunyi yang dihasilkan dengan cara di atas ialah

A [g]

B [k]

C [ɪ]

D [d]

19

	Jenis vokal
I	Vokal depan luas
II	Vokal depan sempit
III	Vokal belakang sempit
IV	Vokal depan separuh sempit

	Perkataan
P	Gugur
Q	Gagah
R	Licin
S	Tenggek

Yang manakah padanan yang betul antara jenis vokal dengan perkataan yang mengandungi vokal tersebut?

	I	II	III	IV
A	*R*	*P*	*S*	*Q*
B	*Q*	*S*	*P*	*R*
C	*Q*	*R*	*P*	*S*
D	*P*	*S*	*Q*	*R*

20 Yang manakah perkataan yang mengandungi suku kata berpola KKKV?

A Traktor

B Strategi

C Tragedi

D Struktur

Bahagian B [30 *markah*]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab semua soalan.

Ketika merasmikan pembukaan Persidangan Pelaburan Negara, Perdana Menteri Malaysia menggesa lebih ramai pelabur tempatan melabur di dalam negara dan meneroka peluang yang sedia ada. Perdana Menteri turut menyarankan agar pelabur tempatan memberikan sumbangan kepada negara, setanding dengan sumbangan pelabur asing. Saranan ini diharap dapat memantapkan ekonomi negara kita, terutamanya ketika ekonomi dunia semakin merudum dan dikhuatiri akan menjejaskan ekonomi Malaysia.

Bagi mencerminkan komitmen yang jitu, kerajaan mengambil inisiatif dalam menyediakan insentif dan prasarana yang mesra pelabur, terutamanya pelabur tempatan, selain memberikan peluang yang sama rata kepada mereka untuk meraih faedah daripada perkembangan ekonomi negara ini. Kita menjangkakan bahawa dasar fiskal baharu yang akan diumumkan oleh Perdana Menteri mencerminkan sokongan kerajaan dalam menarik lebih banyak penyertaan pelabur tempatan agar ekonomi negara dapat digerakkan ke arah yang lebih positif.

Walaupun kebergantungan negara kepada pelabur asing masih tinggi dalam usaha untuk memastikan ekonomi Malaysia berkembang, namun sumbangan pelabur tempatan tidak boleh diketepikan, terutamanya ketika ketidakstabilan ekonomi dan perubahan pasaran semasa yang tidak menentu. Kebolehan dan kemampuan pelabur tempatan perlu diambil kira. Walaupun bilangan mereka kecil, mereka juga memainkan peranan penting dan memberikan impak yang besar dalam usaha negara memacu pertumbuhan ekonomi secara keseluruhan. Yang membimbangkan kita, cita-cita kerajaan untuk menjadikan negara ini sebagai negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020 akan terjejas jika pelabur tempatan berpeluk tubuh dalam aktiviti pertumbuhan ekonomi pada masa ini.

Sejak lima tahun lalu, nisbah pelabur tempatan dan pelabur asing ialah 40:60. Di bawah Program Transformasi Ekonomi (ETP), kerajaan menyasarkan peningkatan nisbah penyertaan pelabur tempatan, iaitu daripada 40 peratus kepada 73 peratus. Sejajar dengan hasrat itu, ETP telah membuka peluang dan ruang untuk pelabur tempatan. Kerajaan telah mengenal pasti beberapa sektor yang berpotensi dan berimpak tinggi untuk memberikan sokongan kepada pelabur tempatan agar mereka dapat bersaing pada peringkat yang lebih tinggi. Sektor swasta pula diharapkan agar tidak memberikan peluang perniagaan kepada syarikat luar, sebaliknya dapat membuka peluang perniagaan kepada pelabur tempatan yang layak. Yang jelas, inspirasi Perdana Menteri tidak mungkin tercapai jika kerjasama erat antara sektor swasta dengan sektor awam tidak diseragamkan dalam usaha untuk menambah pelabur tempatan.

(Disesuaikan daripada *Berita Harian*, 1 Oktober 2011)

21 Apakah aspek yang perlu diteliti oleh semua pihak bagi meningkatkan sumbangan pelabur tempatan dalam memacu ekonomi negara? [4]

22 Jelaskan **tiga** harapan yang dinyatakan oleh penulis dalam petikan di atas. [6]

23 Pada pandangan anda, apakah peranan yang perlu dilakukan oleh pelabur tempatan dalam usaha untuk membantu kerajaan memacu ekonomi Malaysia? Panjang jawapan anda hendaklah tidak melebihi 150 patah perkataan. [20]

Bahagian C [50 *markah*]

Tulis sebuah karangan yang panjangnya antara 600 hingga 650 patah perkataan berdasarkan satu daripada tajuk-tajuk di bawah

24 Amalan berbudi bahasa amat penting dan perlu menjadi budaya rakyat negara ini. Huraikan langkah-langkah yang dapat dilaksanakan untuk melahirkan generasi muda yang berbudi bahasa.

25 Negara ini masih kaya dengan hutan dan pihak kerajaan pula berusaha untuk mengekalkannya kerana menyedari bahawa hutan penting kepada hidupan. Jelaskan kepentingan tersebut.

26 "Kemalangan di tempat kerja berpunca daripada kecuaian majikan." Sejauh manakah anda bersetuju dengan pendapat ini?

Suka sampel ini?

Kertas Percubaan STPM

Sem 1 · Bahasa Melayu

- Semester 1: kertas percubaan (trial) negeri, subjek yang dipilih + skema
- Blueprint 30 hari Semester 1 (setiap subjek)
- Semester 3: percubaan 2024, 10 subjek, banyak negeri, soalan + skema dalam satu fail

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/stpm · FPX online banking · download serta-merta